

**BULETIN
LESTARI
2018**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya maka Jawatan Kuasa Buletin Lestari telah berjaya menyiapkan BULETIN LESTARI 2018 ini.

Buletin Lestari diterbitkan sebagai salah satu usaha meningkatkan kesedaran terhadap kelestarian di kalangan warga JKR. Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga (CASKT) yang bertindak sebagai penyelaras aktiviti kelestarian di JKR, amat berbesar hati untuk berkongsi pelbagai inisiatif dan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018. Aktiviti ini melibatkan pelbagai program yang telah dijalankan bukan sahaja di Ibu Pejabat JKR tetapi juga program yang melibatkan JKR Negeri dan juga pegawai kader.

Adalah diharapkan penerbitan buletin ini dapat membantu seluruh warga JKR dalam merancang lebih banyak aktiviti kelestarian di peringkat Cawangan dan JKR Negeri dengan mengambil kira pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan perlindungan alam sekitar selaras dengan aspirasi negara ke arah Pembangunan Bersekitar.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua ahli Jawatan Kuasa Buletin Lestari 2018 yang terlibat khususnya pada yang telah memberikan komitmen atas penerbitan Buletin Lestari ini. Saya percaya buletin ini akan memberi impak positif khususnya warga JKR untuk meneruskan usaha bagi memantapkan lagi Pembangunan Lestari di JKR.

Warisan ditakrif sebagai sesuatu yang diwarisi dari generasi yang terdahulu. Ia merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat atau manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan. **Warisan alam** pula sangat dekat dengan isu-isu kemusnahan alam sekitar yang berlaku di seantero dunia kebelakangan ini, dimana kesedaran untuk memulihara warisan paling bernilai ini perlu diberi lebih perhatian dan pendedahan.

Aktiviti pemuliharaan & pemeliharaan warisan alam secara menyeluruh dan holistik oleh semua pihak penting bagi mengekalkan dan memperkukuhkan nilai warisan, melindungi dan memastikan warisan alam selamat dan kekal untuk tempoh melangkaui beberapa generasi untuk menjadi rujukan, pendidikan dan kenangan kepada generasi masa kini dan akan datang.

Warisan akan menjadi aset penting negara sama ada untuk pendidikan dan untuk pulangan ekonomi melalui industri pelancongan, rujukan R&D dan martabat negara di mata dunia. Warisan yang penting akan dikongsi dengan warga dunia sebagai warisan dunia sejagat

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGARAH

01

01 WARISAN LESTARI

JAWATANKUASA INOVASI PEMBANGUNAN LESTARI

03

04 WIKIGREEN

MESYUARAT DUTA LESTARI

05

07 PENARAFAN HJAU
JKR (PH JKR)

MyCREST

08

09 SISTEM PENGURUSAN
ALAM SEKITAR
(SPAS)

SISTEM PENGURUSAN TENAGA (SPT)

11

13 PROGRAM PROMOSI
LESTARI

KURSUS PENSIJILAN LESTARI 2018

15

17 CAWANGAN JALAN

CAWANGAN KERJA KESEHATAN

19

21 CAWANGAN
KEJURUTERAAN
GEOTEKNIK

JKR SELANGOR

23


25 JKR N. P. LABUAN

SIOANG REDAKSI

27

JKIPL

JAWATANKUASA INDUK
PENGANGKATAN
LESTARI



JKIPL Bil. 1/2018
telah diadakan pada
29 Oktober 2018

JAWATANKUASA INDUK
PENGANGKATAN LESTARI
Pengerusi:
KPKK

Penyelaras:
Cawangan
Alam Sekitar &
Kecekapan Tenaga

Pada mesyuarat JKIPL
Bil 1/2018, Pengarah
CASKT adalah
pengerusi JKK
Perolehan Hijau
Kerajaan yang baru.

CKAS	JKK Perancangan & Pengurusan Tapak Lestari
• Pengerusi : Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Awam & Struktur	
CKE	JKK Kecekapan Tenaga & Tenaga Diperbaharui
• Pengerusi : Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Elektrik	
CKM	JKK Kualiti Persekitaran Dalam
• Pengerusi : Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	
CA	JKK Sumber dan Bahan & Kesejahteraan Sosial (Bangunan)
• Pengerusi : Pengarah Kanan Cawangan Arsitek	
CKM	JKK Kecekapan Air
• Pengerusi : Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	
CPAB	JKK Pengurusan Aset Lestari
• Pengerusi : Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu	
CJ	JKK Jalan Hijau & Kesejahteraan Sosial (Jalan)
• Pengerusi : Pengarah Kanan Cawangan Jalan	
CASKT	JKK Penarafan Hijau
• Pengerusi : Pengarah Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga	
CRE-TE	JKK Inovasi & Teknologi Hijau
• Pengerusi : Pengarah Kanan Pusat Kecekapan Kejuruteraan dan Teknologi JKK	
CASKT	JKK Perolehan Hijau Kerajaan
• Pengerusi : Pengarah Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga	

WikiGREEN

WikiGREEN adalah satu platform di dalam J-PEDIA, JKR Wikipedia yang boleh diakses oleh setiap warga JKR.

Maklumat berkaitan pembangunan LESTARI JKR yang sentiasa dikemaskini dikongsikan oleh administrator daripada setiap Jawatan Kuasa Kecil JKIPL serta administrator induk daripada Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga (CASKT).



Bengkel pengemaskinian fasad WikiGREEN telah diadakan baru-baru ini pada 16hb Oktober 2018 di Menara PJD. Bengkel ini bertujuan untuk melatih administrator lantikan baru tatacara pengemaskinian maklumat di dalam WikiGREEN.



Page Discussion

WikiGREEN

From J-Pedia

Main page
Recent changes
Random page
Help
Tools
What links here
Related changes
Upload file
Special pages
Printable version
Permanent link
Page information

Contents [hide]

1. PENGEMASKINAN
2. PENGANGKATAN LESTARI
 - 2.1. Latar Belakang
 - 2.2. SUSTAINABILITY AND GREEN MISSION 2.0
 - 2.3. POLISI PENGANGKATAN LESTARI JKR
 - 2.4. JAWATANKUASA INDUK PENGANGKATAN LESTARI (JKIPL)
 - 2.4.1. JKK Kecekapan Tenaga & Tenaga Diperbaharui (CKE)
 - 2.4.2. JKK Persekitaran Dalam dan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM)
 - 2.4.3. JKK Perancangan & Pengurusan Tapak Lestari dan Cawangan Kejuruteraan Awam & Struktur (CKAS)
 - 2.4.4. JKK Kecekapan Penggunaan Air dan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM)
 - 2.4.5. JKK Aset Lestari dan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB)
 - 2.4.6. JKK Jalan Hijau dan Cawangan Jalan (CJ)
 - 2.4.7. JKK Inovasi Teknologi Hijau dan Centre of Excellence and Engineering Technology (CRE&TE)
 - 2.4.8. JKK Penarafan Hijau dan Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga (CASKT)
 - 2.4.9. JKK Sumber & Bahan dan Cawangan Arsitek (CA)
 - 2.4.10. JKK Perolehan Hijau Kerajaan dan Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga (CASKT)
- 2.5. BULETIN LESTARI
 - 2.5.1. Buletin Lestari 2017
 - 2.5.2. Buletin Lestari 2016
- 2.6. MESYUARAT PECAHANGKATAN PENGANGKATAN LESTARI (MPPL)
 - 2.6.1. Pengkajian MPPL 2/2017 - Baris Infrastruktur Ke Arah Kesejahteraan Rakyat
 - 2.6.2. Pengkajian MPPL 1/2017
 - 2.6.3. Pengkajian MPPL 2016 - Kalendar Tahun Selang Kemajuan Negara pada 2020
 - 2.6.4. Pengkajian MPPL 1/2016 - Jed Lestari & Eksklusif Paya Bakau

MESYUARAT DUTA LESTARI

Mesyuarat Duta Lestari diadakan sebanyak dua (2) kali setahun sebagai persidangan perkongsian ilmu yang membincangkan segala cabaran, pelaksanaan dan penyaluran maklumat terkini berhubung pembangunan lestari. Merujuk kepada minit Mesyuarat Duta Lestari Bil. 1/2018, mesyuarat ini dulunya dikenali sebagai Mesyuarat Pegawai Penyelaras Pembangunan Lestari (MPPPL), telah dijenamakan semula kepada Mesyuarat Duta Lestari (MDL) dan dihadiri oleh setiap wakil dari JKR Cawangan dan Negeri, **Duta Lestari**.

KIT DUTA LESTARI



MESYUARAT DUTA LESTARI BIL. 1/2018

Mesyuarat Duta Lestari Bil. 1/2018 telah dipengerusikan oleh Pengarah Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga (CASKT) pada 5 April 2018. Laporan Pelaksanaan Pemantauan Pembangunan Lestari telah dibentangkan oleh Duta Lestari dari Cawangan Jalan, Cawangan Senggara Fasilitas Jalan, JKR Perak dan JKR Pahang, manakala CASKT membentangkan taklimat SPAS, Kit Lestari dan Green Government Procurement (GGP).



MESYUARAT DUTA LESTARI BIL. 2/2018

Mesyuarat Duta Lestari Bil. 2/2018 telah diadakan pada 3 hingga 5 Oktober 2018 di **Le Grandeur Palm Resort, Senai**. Mesyuarat ini dirasmikan dan dipengerusi oleh Pengarah CASKT.

TEMA : PEMULIHARAAN WARISAN (HERITAGE CONSERVATION)



CERAMAH LESTARI



GALERI GLULAM




TANJUNG PIAI



Lawatan teknikal lestari ke **Taman Negara Johor, Tanjung Piai** untuk melihat lebih dekat usaha memulihara ekosistem marin dan habitat alam sekitar, kemudian ke **Galeri Glulam Johor Bahru** bagi melihat kelainan bangunan berkonsepkan struktur binaan kayu menggunakan hanya *glue-laminated timber*.

PENARAFAN HIJAU JKR (pH JKR)

Mulai tahun 2018, sesi penilaian Reka Bentuk (PRB) Penarafan Hijau JKR (pH JKR) diadakan sebanyak 6 sesi dalam setahun seperti jadual berikut:



Sesi Penilaian Reka Bentuk (PRB) pH JKR diadakan di Ibu Pejabat JKR dan di nilai oleh wakil penilai-penilai yang dicalonkan oleh Pengarah –atau Pengarah kanan Cawangan Pakar Ibu Pejabat seperti CKM, CA, CKE, CSFB, CASKT, CKAS, dan CKUB,

PENSIJILAN PENILAIAN REKA BENTUK pH JKR 2018

POLITEKNIK HULU
TERENGGANU)

IPD JOHOR
SELATAN, JOHOR

UNIT 69 KOMANDO
PASUKAN GERAK
KHAS (PGK) ULU
KINTA, PERAK

IBU PEJABAT POLIS
DAERAH (IPD) PASIR
MAS, KELANTAN

FAKULTI PERUBATAN
DAN SAINS
KESIHATAN (FPSK),
NILAI, USIM.



Jadual: Kategori
bangunan yang boleh
dinilai mengikut JKR
Standard 2/2018

JKR STANDARD 2/2018 merupakan standard baru diadaptasi dari manual pH JKR untuk kegunaan jenis pembangunan bagi sektor awam dan swasta. Standard ini akan dilancarkan pada awal tahun 2019 dengan merangkumi kesemua jenis bangunan kecuali hospital.

Kategori bangunan	Penerangan
Kategori A (Rumah atas tanah)	Rumah banglo, teres, berkenbar, town house dan kluster.
Kategori B (Rumah bertingkat)	Rumah pangsa, apartmen, kondominium, service apartment, Small Office Home Office (SOHO) dan lain-lain berkatil.
Kategori C (Bangunan awam/ komersial/ industri tanpa sistem penyejukan berpusat)	Bangunan pejabat, sekolah, kilang, gudang, bengkel, hangar, Small Office Flexible Office (SOFO), Small Office Virtual Office (SOVO), rumah ibadat, dewan komuniti, lapangan terbang, resort, universiti, kolej, stua polis dan lain-lain berkatil.
Kategori D (Bangunan awam/ komersial/ industri dengan sistem penyejukan berpusat)	

Malaysian Carbon Reduction & Sustainability Tools (MyCREST)



Bengkel QP Enhancement telah diadakan pada 16 – 17 Ogos 2018 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Bengkel ini mengumpulkan Qualified Professional (QP) dari CASKT. Bengkel ini di rasminkan oleh Puan Farah binti Samad, Pengarah Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga.

QP dibantu oleh fasilitator dari MAMPAN CREAM CIBD bagi mengenalpasti strategi dan halangan yang dihadapi dalam memperoleh penarafan hijau MyCREST.

Terdapat 23 Projek yang mendaftar untuk penarafan MyCREST. Setiap QP dari CASKT telah ditugaskan menjadi QP bagi projek-projek berkenaan.. 2 daripada Projek berkenaan telah dikenalpasti dapat mencapai penarafan dalam tahun ini. Projek berkenaan adalah Politeknik Besut dan Projek peringkat Operation & Management (O&M) iaitu projek Menara Kerja Raya 2, Blok G Ibu Pejabat JKR Malaysia.

PROGRAM SPAS 2018

MS ISO 14001:2015

15 & 16 Mei

Kursus Audit Dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS) | Menara PJD

Bagi membentuk pegawai yang kompeten untuk menjadi Ketua Pasukan Audit (KPA) dan Juruaudit Dalam (JAD) bagi melaksanakan Audit Dalam SPAS 14001:2015



16 & 17 Ogos


Kursus Pemahaman kepada Pengurusan Sisa di Tapak Bina (Buangan Terjadual & Sisa Pembinaan) | CREaTE

Bagi memastikan pelaksana di tapak bina memahami kriteria dan cara-cara pengurusan buangan terjadual



AUDIT DALAM BAGI CAWANGAN DAN TAPAK BINA PROJEK YANG MELAKSANAKAN EIA & SPA

Petunjuk Prestasi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (P2SPAS)



AUDIT DALAM YANG TELAH DIJALANKAN

17 - 20 Julai 2018
Hospital Sri Aman Fasa 2, Sarawak



31 Julai & 1 Ogos
Projek Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Bagi Pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, Daerah Kota Tinggi, Johor.
Membina Jalanraya 4 Lorong 2 Hala Dari Persimpangan PIPC Ke Sempadan Tapak Terminal Laut Dalam Bebas Pengerang (P1)



8 & 9 Ogos
CSR: Gua Musang Kelantan Ke Kg Relong, Pahang Seksyen 3E1: Mentara Ke Merapoh pada



1 & 2 Ogos | Cawangan Jalan



17 - 20 Julai
Projek Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Bagi Pembangunan Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang, Daerah Kota Tinggi, Johor - Membina Jalanraya 4 Lorong 2 Hala Dari Sempadan Petronas Rapid Ke Pekan Sungai Rengit (P3)



31 Julai & 1 Ogos
Projek Mahkamah Kota Bharu, Kelantan



14 & 15 Ogos | Cawangan Kerja Keselamatan



SISTEM PENGURUSAN TENAGA MS ISO 50001 : 2011

MIGRASI STANDARD

MS ISO 50001 : 2018



Roadshow SPT JKR Negeri

3-4 April	Menara PJD
2 Mei	JKR Kelantan
13 Sept	JKR Pahang
20 Sept	CKM
22 Okt	JKR Perlis
23 Okt	JKR Kedah



PELAKSANAAN SPT DI JKR NEGERI

Pembudayaan SPT

SPT-SPB

Pensijilan SIRIM

2018-2019

2019-2020

2021

Jumlah penjimatan tenaga sehingga Jun 2017: 3,110,465 kWj RM 1.1 juta

Pengurangan Pelepasan Karbon

2.16 juta kgCO₂e

KOMPLEKS IBU PEJABAT JKR MALAYSIA

Audit Tenaga

PIPT 1

PIPT 2

PIPT 3

PIPT 4

Disember 2013


Julai 2014 - Jun 2015

Julai 2015 - Jun 2016

Julai 2016 - Jun 2017

Julai 2017 - Disember 2018

PERBANDINGAN BEI TAHUN 2015-2017



JIMAT 24%

Sijil Kedua ;
EnMS.00111
12 Jun 2018 -
11 Jun 2021

Tahniah kepada pasukan SPT Kompleks IPJKR Malaysia kerana mendapat Pensijilan Semula SIRIM dengan pencapaian 0 NCR dan 0 OFI



AWARENESS PROGRAM FM & WAKIL TINGKAT 24 JAN & 1 MAC





Pameran National Seminar On Sustainable Development - The Future We Want

Tempat: Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kuala Lumpur

Anjuran: Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga, JKR dan Pertubuhan Profesional JKR Malaysia
24 & 25 April 2018



Taklimat Pelaksanaan Penarafan Hijau pH JKR & MYCREST bagi Projek JKR

Tempat: Institut Sosial Malaysia, Kuala Lumpur

Anjuran: Cawangan Alam Sekitar & Kecekapan Tenaga

18 Mei 2018



Menara Kerja Raya - 2nd Runner Up

Malaysia GBC LEADERSHIP IN SUSTAINABILITY AWARDS 2018

Anjuran: Malaysia Green Building Confederation (MGBC)

Kategori 2: The Leadership In Sustainability Design And Performance Award

11 Mei 2018



Kompleks Ibu Pejabat JKR (Blok A-F) – Winner

National Energy and Green Technology Award 2018 (NEGTA 2018)

Anjuran: Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim

Kategori 1: Energy Efficiency (Energy Management in Large Building)

19 Oktober 2018



Kompleks Ibu Pejabat JKR (Blok A-F) – Winner

Asean Energy Award 2018

Anjuran: Asean Centre for Energy (ACE)

Kategori 1: Energy Management in Buildings and Industries (Large Building)

29 Oktober 2018

**PROMOSI
LESTARI**

Bil	Nama Kursus	Tarikh	Bil. Peserta	Penganjur	Maklumat Kursus
1	Kursus Overall Thermal Transfer Value (OTTV) & Roof Thermal Transfer Value (RTTV)	26 & 27 Mac 2018	20	CASKT	Kursus kaedah pengiraan OTTV & RTTV bagi membantu rekabentuk bangunan cekap tenaga
2	Kursus Indoor Air Quality Assessor	2 – 6 April 2018	3	NIOSH	http://www.niosh.com.my/images/CourseContent/CP/IAQ.pdf
3	Kursus Building Energy Efficiency Tool (BEET)	7 Mei 2018	20	CASKT	Pengenalan kepada Bangunan Cepak Tenaga mengikut standard MS1525 & kaedah pengiraan Building Energy Intensity bagi bangunan.
4	Kursus Lead Auditor MS14001:2015 Environmental Management System	14 -18 Mei 2018	5	SIRIM STS	http://www.sirimsts.my/training-consultancy/lead-assessor-courses
5	Certified Energy Training Course (CEMTC)	14 -18 Mei 2018 8-12 Okt 2018	5 5	MAESCO	http://www.maesco.org.my/training-certified-energy-manager-training-coursecemtc.html
6	Kursus GBI 2018 & Water Efficiency Calculator	11 Julai 2018	4	MGBC	http://www.mgbc.org.my/gbi-workshop-2018-beit-v-2-we-calculator/
7	Kursus Introduction to MS50001:2011 Energy Management System	26 Julai 2018	30	SIRIM STS	http://www.sirimsts.my/training-consultancy/standards-based-management-systems
8	Kursus Certified Professional in Erosion & Sediment Control (CPESC)	14 & 15 Ogos 2018	7	EIMAS	http://www.doe.gov.my/eimav2/course-on-certified-professional-in-erosion-and-sediment-control-cpesc/
9	Seminar on Grid Connected Solar Photovoltaic System	4 Sep 2018	2	SIRIM STS	http://www.sirimsts.my/events/eventdetail/354/-/seminar-on-malaysian-standards-grid-connected-solar-photovoltaic-system
10	Kursus Building Energy Simulation IES-VE	5 & 6 Sep 2018	21	CASKT	Pengenalan kepada Simulasi Bangunan Cepak Tenaga menggunakan software IES-VE
11	Kursus MyCREST Qualified Professional (QP)	24 – 26 Sep 2018	40	CASKT	Kursus melatih MyCREST QP untuk membantu pelaksanaan MyCREST bagi projek JKR Malaysia
12	Kursus Certified Inspector of Sediment & Erosion Control (CISEC)	8-11 Okt 2018	2	EIMAS	http://www.doe.gov.my/eimav2/certified-inspector-sediment-erosion-control-cisec/
13	Kursus Accredited Energy Measurement & Verification Professional AEMVP	29-31 Okt 2018	5	MAESCO	http://www.maesco.org.my/training-accredited-energy-measurement-verification-professional-aemvp.html



Official Website of
Environment Institute of Malaysia
Department of Environment, Malaysia



JAWATANKUASA INDUK PEMBANGUNAN LESTARI (JKIPU) – JKK JALAN HIJAU

4 Objektif Korporat Cawangan Jalan

- Teknologi Jalan Hijau
- Audit Keselamatan Jalan
- Kemudahan-Kemudahan Kepada Pengguna Jalan Raya
- Pemuliharaan Hidupan Liar



PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Pemuliharaan Hidupan Liar

- Mesyuarat bagi Menangani Kes Kemalangan Jalanraya yang Melibatkan Hidupan Liar Bil.1/2018 diadakan pada 26 Februari 2018 di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 5 Blok F, Ibu Pejabat JKR Malaysia
- Mesyuarat 'Task Force' 'Draf Terma Rujukan bagi Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi – Central Forest Spine (CFS) pada 13 Ogos 2018 di Bilik Mesyuarat Tingkat 20, Wisma Tun Samanathan, Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.

MESYUARAT DAN KURSUS

- Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Lestari Cawangan Jalan Bil 1/2018 pada 9 Mac 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 20, Menara PJD
- Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Lestari Cawangan Jalan Bil 2/2018 pada 20 September 2018 bertempat di Tingkat 20, Menara PJD
- Kursus Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS) 140001:2015 Anjuran Cawangan Jalan 2018 pada 5 Jun 2018 bertempat di Bilik Latihan Tingkat 18, Menara PJD

PROGRAM EKOSISTEM KONDISIF SEKTOR AWAM (EKSA)

- Persekitaran yang kondusif.
- Kreativiti & Inovasi
- Go-Green iaitu penggunaan 'green product' di pejabat
- Penjimatan Tenaga



LAWATAN TAPAK LESTARI

Membina Semula Jalan Persekutuan Yong Peng - Segamat FT001 dari Kampung Desa Temu Jodoh (Seksyen 134) hingga Kampung Kwong Sai (Seksyen 174) Daerah Segamat, Johor.

➢ Majlis Pelancaran Projek oleh Y.Bhg. Timbalan Perdana Menteri pada 11 Februari 2018



Membina Semula Jalan Persekutuan Yong Peng-Segamat FT001 dari Kampung Desa Temu Jodoh (Seksyen 134) hingga Kampung Kwong Sai (Seksyen 174) Daerah Segamat, Johor.

➢ Lawatan ke Kuari KTC Premix Sdn. Bhd. di Pagoh, Johor pada 9 Februari 2018



Projek Mengganti Jambatan Sg. Raia, Perak

➢ Lawatan Tapak Lestari : Menggunakan Teknologi Baru UHPC pada 6 Julai 2018



PROGRAM 3R (REDUCE, REUSE & RECYCLE)

- Penyediaan tong sampah kitar semula
- Penjimatan kertas – cetakan pada kedua-dua belah helaian kertas.



KECEKAPAN TENAGA

- Program Aktiviti Penjimatan Tenaga
 - Tutup lampu pada waktu rehat iaitu pada jam 1.00 – 2.00 petang setiap hari bekerja
 - Menutup peralatan ICT (komputer, pencetak, plotter)
 - Suhu penghawa dingin 24°C
- Renewable Energy – beberapa projek sedang dilaksanakan tenaga solar bagi perabot jalan.



Cawangan Kerja Kesihatan

INISIATIF LESTARI CKK 2018

Selaras dengan Dasar Kelestarian Dan Misi Hijau 2.0 Jabatan Kerja Raya, Cawangan Kerja Kesihatan (CKK) telah melaksanakan beberapa inisiatif lestari.



KURSUS SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (SPB)



Kursus Sistem Pengurusan Pengurusan Bersepadu (SPB) yang merangkumi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS) telah diadakan pada 6 Mac 2018 melibatkan pegawai-pegawai baru CKK. Melalui kursus ini, peserta didedahkan dengan prosedur terkini dalam memastikan pelaksanaan projek selaras dengan dasar lestari Jabatan.



AUDIT SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (SPAS)

Pasukan Audit Sistem Pengurusan Alam Sekitar (SPAS) dari Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga (CASKT) telah mengadakan sesi audit dalaman di CKK pada **23 hingga 25 Julai** yang lalu. Hasil daripada audit tersebut, CKK berjaya mendapat peringkat CEMERLANG dengan skor 96.02%. Kejayaan ini menunjukkan komitmen CKK dalam menyayakan misi lestari Jabatan dan membudayakan lestari dalam kehidupan.



LAWATAN TAPAK LESTARI KE MITEC

Pada 8hb Oktober 2018 yang lalu, pihak Duta Lestari dan Unit Latihan Bahagian Penyelarasan Dan Khidmat Sokongan (BPKS) Cawangan Kerja Kesihatan telah mengelolakan satu lawatan ke Malaysia International Trade & Exhibition Centre (MITEC). Tujuan lawatan ini adalah untuk meninjau salah satu pusat persidangan terbesar di Asia Tenggara yang dibina dengan konsep senibina berbentuk biji getah dan songket untuk rekabentuk fasad bangunan. Aspek lestari yang diterapkan dalam bangunan ini adalah penggunaan 'sensor' untuk sistem pencahayaan dan sistem 'rain water harvesting'.



PROGRAM JOM SIHAT KELAB SUKAN DAN SOSIAL CAWANGAN KERJA KESIHATAN (KeSSIHAT)

Untuk tahun 2018, Kelab Sukan & Sosial CKK (KeSSIHAT) telah menganjurkan pelbagai aktiviti termasuklah aktiviti kesukan yang melibatkan pegawai dan ahli keluarga CKK. termasuklah program 'Jom Sihat' yang mengandungi sembilan (9) acara meliputi ceramah kesihatan, ujian kecergasan, aktiviti sukan dan rekreasi luar. Di awal dan akhir program, peserta akan ditimbang berat badan dan peserta yang mencatatkan penurunan berat badan akan diberi hadiah. Melalui program ini, semangat kerjasama dan kesukan berjaya dipupuk di kalangan warga CKK.



1. Kursus Program Gaya Hidup Sihat
26 September 2018



2. Ujian Kecergasan oleh KBS
26 September 2018



3. Fun Run CKK
3 Oktober 2018



4. Kejohanan Futsal (L) & Bola Baling (W)
20 Oktober 2018



Motif Songket Warisan



Tampuk Manggis



Bunga Bintang




Tampuk Kupu-kupu



Bunga Bunting

Taklimat Kesedaran Penjimatan Tenaga

Kesedaran tentang penjimatan tenaga amat penting terutamanya di Cawangan bagi merealisasikan objektif JKR iaitu menjimatkan penggunaan tenaga sekurang-kurangnya 5% daripada baseline dengan melaksanakan langkah-langkah penjimatan tanpa kos. Tanggal 23 Februari 2013, satu taklimat berkenaan kesedaran penjimatan tenaga oleh wakil CASKT telah dilaksanakan dengan kehadiran kakitangan Cawangan melebihi 50 orang.



Taklimat "Use of Expanded Polystyrene (EPS) in Civil Engineering works".

Taklimat daripada pihak pembekal bahan EPS - Expanded polystyrene telah dilaksanakan di Cawangan pada 27 Februari 2018. Di antara kegunaan-kegunaan bahan EPS dalam kerja-kerja geoteknik adalah sebagai satu penyelesaian di kawasan tanah lembut untuk isu kestabilan dan mendapan. Seramai 40 lebih kakitangan telah menghadiri taklimat berkenaan termasuk kehadiran Pengarah Cawangan.



Program Gotong Royong EKSA

Gotong royong EKSA telah beberapa kali dilaksanakan di Cawangan dan terkini pada September lalu dengan penglibatan semua kakitangan di setiap bahagian. Audit MAMPU bagi EKSA di JKR Ibu Pejabat akan dilaksanakan pada bulan November 2018.



Aktiviti Riadah di Cawangan

Pelbagai aktiviti riadah telah diadakan di Cawangan di sepanjang tahun ini. Di antara aktiviti adalah seperti Pertandingan bowling, Pertandingan In door Games, Ping pong dan Badminton. Penglibatan semua kakitangan di Cawangan amatlah mengalakkan pada setiap kali pertandingan diadakan. Objektif aktiviti riadah diadakan bertujuan bagi memastikan semua kakitangan sentiasa cergas disamping mewujudkan silaturrahim di kalangan kakitangan.



JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR

1. Kecekapan Tenaga



- Menutup lampu pada waktu rehat (1.00 pm - 2.00 pm)



- Mengawal Suhu Penghawa Dingin 24 darjah celsius



- Split Unit Aircond (Bilik Pegawai berasingan)



- Pencapaian luar

2. Program 3R (Reduce, Reuse & Recycle) & Promosi



- Penyediaan Tong Sampah bagi barangan Kitar Semula di Ibu Pejabat dan JKR Daerah Petaling

- Sudut Pembangunan Lestari di setiap Bahagian & Daerah.
- menampilkan poster /sticker di lokasi strategik

3. Penganjuran Sukan Piala Pengarah JKR Selangor 2018



4. Program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

- Majlis Pelancaran Pelaksanaan EKSA JKR Selangor 2018 telah diadakan pada 31hb Mei 2018 bertempat di Dewan Anggerik Kompleks Ibu Pejabat JKR Selangor. Turut diadakan, Taklimat EKSA yang disampaikan oleh fasilitator yang dilantik oleh pihak MAMPU. Ianya bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai EKSA kepada warga kerja Ibu Pejabat JKR Selangor. Persijilan EKSA oleh MAMPU di Ibu Pejabat JKR Selangor dijangka akan dijalankan pada akhir tahun 2018.



JKR Daerah Gombak



- Sesi Pengauditan Persijilan EKSA di JKR Negeri Selangor



JKR Daerah Petaling

4. Velo Fun Ride JKR Selangor

- Program Velo Fun Ride JKR Selangor telah diadakan pada 23hb September 2018 bertempat di Sepang, Selangor. Acara ini telah disempurnakan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Tuan Amiruddin bin Shari bersama Pengarah JKR Selangor, YAB Dato' Menteri Besar dan isteri turut bersama menyertai acara berbasikal (Fun Ride). Pelbagai aktiviti yang dipertandingkan antaranya Terbuka 40km, Terbuka 20km dan Push Bike (berumur 2-6) serta cabutan



AKTIVITI LESTARI JKR LABUAN

"Ke Arah Kelestarian Bestari"

REDUCE, REUSED & RECYCLED JKR W.P LABUAN

Tempat: Setiap Bangunan Pejabat
JKR W.P Labuan

Aktiviti: Penyediaan Tong 3R serta
penerapan budaya 3R.

Fakta Menarik:
Penghasilan tong 3R daripada
bahan kayu terpakai.

PROGRAM XPDC MURUG TURUG

Tempat: Murug Turug
Waterfall, Kg Minangkob,
Tamparuli

Tarikh: 2-4 March 2018
Aktiviti: Pendakian bukit
menelusuri beberapa air
terjun (Minansur, Labuan,
Pioulungan dan Kionop)
sambil menikmati &
menghargai alam sekitar.

PROGRAM KELESTARIAN SUMBER TENAGA DAN ALAM SEKITAR

Tempat: Ruang Pejabat JKR
W.P Labuan

Aktiviti: Penampalan pelekat
kesedaran penjimatan
elektrik dan air.

SAVE FOR THE FUTURE Program Kitar Semula & Tanaman Bagi Taman Lestari Tarikh: 12hb Oktober 2018

• SS Ruang Pejabat

• Pengumpulan serta
penghantaran barangan
kitar semula ke pusat kitar
semula. Penggunaan sisa
bahan buangan

• Tanaman Pokok di Taman
Lestari bersebelahan Pejabat
Bahagian Elektrik JKR W.P
Labuan. Pokok yang ditanam
adalah Cili, Limau Kasturi &
Limau Purut, Bunga Kantan,
Langkuas, dan Ubi Kayu



PENDAKIAN GUNUNG SANTUBONG

Tempat: Gunung
Santubong, Kuching
Sarawak
Tarikh:
Aktiviti: Pendakian Gunung
Kinabalu sambil menghayati
& menghargai Alam
Semulajadi



PENDAKIAN BUKIT DI SEKITAR LABUAN

Tempat: Bukit Kubong,
Bukit Minyak Gas, Bukit
Pohon Batu & Labuan
Chimney
Tarikh: (Setiap Hujung
Minggu)
Aktiviti: Pendakian bukit-
bukit di sekitar Labuan
sambil mengenali alam dan
masyarakat.



PROGRAM MARATHON Aktiviti:

1. Fun Run Labuan Bird Park
pada 29 November 2018
bertempat di Taman burung
W.P Labuan
2. Larian Hari Sukan Negara
pada 13 Oktober 2018
bertempat di W.P Labuan
3. Koduko Tour Run pada
10 September 2018
bertempat di Kota Belud,
Sabah

"BERSAMA ALAM: KELESTARIAN DALAM PENGAMALAN GAYA HIDUP SIHAT"



MONALIZA MOHD
HASSAN
CAWANGAN ALAM
SEKITAR &
KECEKAPAN TENAGA



SAMSAH OMAR
CAWANGAN ALAM
SEKITAR &
KECEKAPAN TENAGA



NOOR HAFIZA
DAHALIM
CAWANGAN ALAM
SEKITAR &
KECEKAPAN TENAGA



CHEW YING YING
CAWANGAN ALAM
SEKITAR &
KECEKAPAN TENAGA



SHUHAILA
SULAIMAN
CAWANGAN ALAM
SEKITAR &
KECEKAPAN TENAGA



TEH MASNIRA
MOHD HASSAN
CAWANGAN ALAM
SEKITAR &
KECEKAPAN TENAGA



AIMI SHAIRAH
ZAMANI
CAWANGAN ALAM
SEKITAR &
KECEKAPAN TENAGA



AHMAD AIZAT
RAMLI
CAWANGAN ALAM
SEKITAR &
KECEKAPAN TENAGA



WAN MOHD ZURIN
WAN SAPIANSORI
CAWANGAN ALAM
SEKITAR &
KECEKAPAN TENAGA



SITI ASZA SHAHIZA
MOHD SHARIEF
CAWANGAN ALAM
SEKITAR &
KECEKAPAN TENAGA



IR ZAIZUL HISHAM
ZAINOL
CAWANGAN
KEJURUTERAAN
GEOTEKNIK

SIDANG REDAKSI 2018



MOHD NAZRI
SULAIMAN
CAWANGAN ALAM
SEKITAR &
KECEKAPAN TENAGA



MUHAMMAD
KHAIRULEZ'ANE
IBRAHIM
JKR W.P. LABUAN



MOHAMAD AZMI
YAAKOB
CAWANGAN KERJA
KESIHATAN



MOHD FAHRUL
NGIZAM MOHD
ALI
JKR SELANGOR



IR JANARI SEKELI
CAWANGAN
JALAN



NURHANA YUSUP
CAWANGAN
JALAN



NOR AINUN
MUSTAPHA
CAWANGAN
JALAN

BULETIN LESTARI 2018



CAWANGAN ALAM SEKITAR & KECEKAPAN TENAGA (CASKT)

IBU PEJABAT JKR MALAYSIA, TINGKAT 22-23, MENARA PJD,
NO 50, JALAN TUN RAZAK, 50400 KUALA LUMPUR

TEL: 03-4041 1979/03-2168 7701; FAKS: 03-4041 1988

Email: Lestari.jkr@1govuc.gov.my

Website : www.jkr.gov.cast